

31/10/2001

Pengetahuan fokus Sidang Kemuncak OIC 2003

PUTRAJAYA, Selasa - Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang akan diadakan di Kuala Lumpur bermula 18 hingga 25 Oktober 2003 akan bertemakan, "Pengetahuan dan Moral bagi Kemajuan Ummah".

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tema itu dipilih bagi menunjukkan pentingnya pengetahuan dalam pembangunan ummah yang menganggap pengetahuan juga sebagai jihad dalam Islam.

"Tidak boleh dinafikan, dominasi ekonomi melalui globalisasi memberi kesan terhadap umat Islam. Penting bagi kita mempertingkatkan keupayaan daya saing ekonomi bagi menghadapi cabaran globalisasi," katanya berucap ketika melancarkan logo, tema dan tarikh Sidang Kemuncak OIC di Auditorium WPl, Wisma Putra di sini, hari ini.

Logo yang dipilih bagi sidang kemuncak OIC ke-10 itu melambangkan seni bina Islam yang menunjukkan tahap kemajuan dan progresif yang menekankan pengetahuan sebagai pemangkin kemajuan.

Turut hadir pada majlis pelancaran itu Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak dan duta negara OIC termasuk negara Brunei Darussalam, Bangladesh, Sudan, Arab Saudi, Iran dan Yemen.

Pada sidang akhbar bersama Menteri Luar Iran, Dr Kamal Kharrazi selepas itu, Syed Hamid turut mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Bersama Antara Malaysia dan Iran (JCM) di peringkat Menteri Luar negara masing-masing.

Katanya, sebelum penubuhan suruhanjaya berkenaan di bawah bidang kuasa Menteri Ekonomi negara itu.

"Melalui JCM kami berharap wujud kerjasama lebih mendalam dan luas dalam kepentingan pelaburan, ekonomi dan perdagangan dua hala kedua-dua negara," katanya.

Kedua-dua pemimpin sebelum itu mengadakan pertemuan lebih satu jam bagi membincangkan perkara berbangkit termasuk kepentingan hubungan dua hala kedua-dua negara, perkembangan yang berlaku di Timur Tengah, Afghanistan.

Dr Kamal yang berada di sini bagi lawatan kerja sehari turut menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Dr Mahathir di sini, petang ini.

Syed Hamid berkata, Malaysia mempunyai pelaburan besar dengan Iran terutama penerokaan cari gali minyak petroleum melalui syarikat Petronas.

Katanya, usaha sama lebih erat akan dibuat dalam satu lagi pelaburan termasuk cari gali gas.

Beliau menyatakan pendirian negara yang dikongsi oleh Iran berhubung isu keganasan dan pengganas.

Katanya, masalah pokok membabitkan penubuhan negara Palestin dan keamanan di Timur Tengah perlu diselesaikan segera dalam menangani keseluruhan isu keganasan dan pengganas itu.

Beliau berkata, kedua-dua negara turut bersependapat isu keganasan dan pengganas itu tidak dapat diselesaikan melalui peperangan sebaliknya pendekatan konkrit perlu dibuat bagi mengelakkan lebih ramai orang awam yang tidak berdosa terus menjadi mangsa.

Syed Hamid dan Dr Kamal juga memberikan pandangan berhubung pentingnya penubuhan semula kerajaan Afghanistan dengan diwakili semua kaum di negara itu melalui mandat PBB.

Pada sidang akhbar itu, kedua-dua menteri luar ditanya sama ada OIC perlu membuat pendirian lebih tegas terhadap tindakan ketenteraan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Afghanistan.

Syed Hamid berkata, walaupun perkara itu ada dibincangkan pada

persidangan OIC baru-baru ini, tidak ada satu resolusi atau ketetapan khas dibuat mengenainya.

Sementara itu, Dr Kamal berkata, pada persidangan itu juga ada beberapa negara Islam yang menyuarakan pandangan mereka terhadap tindakan Amerika yang menggunakan isu keganasan untuk menyerang negara Islam.

(END)